

**REGIM PEMANASAN GLOBAL: AMERIKA
SYARIKAT DAN KESATUAN EROPAH DALAM
PROTOKOL KYOTO.**

**DAN DARBY PETER NG
HA2006-6246**

**FAKULTAS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**Latihan Ilmiah Ini Dikemukakan Untuk
Memenuhi Sebahagian Syarat-Syarat Bagi
Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan
Kepujian**

**PROGRAM HUBUNGAN ANTARABANGSA
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**

4000017043



183269

REC
JUN 2009
Sekolah Sains Sosial
Universiti Malaysia Sabah

PUMS99:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: REGIM PEMANASAN GLOBAL: AMERIKA SYARICAH DAN KESATUAN PROPAH OLM PROTOCOL KYOTO.

IJAZAH: SARJANA MUDA SAINS SOSIAL

SAYA DAN DARBY PETER NG
(HURUF BESAR)

SESI PENGAJIAN: 2009

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap:

DUAN MARJA ALIMA OMAR

Nama Penyelia

Tarikh: 8/jun/09Tarikh: 8/jun/09

CATATAN: *Potongan vano tidak berkenaan

PERPUSTAKAAN UMS



1400017043

TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu di TERHAD.

Tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Saya mengaku bahwa karya ini merupakan hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

Tandatangan Calon

Tarikh: 8-Jun-2009



DAN DARBY PETER NG

PENGESAHAN PENYELIA

Saya akui bahawa latihan ilmah ini telah dihasilkan oleh calon ini mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.

Tandatangan Penyelia

Tarikh: _____

MARJA AZLIMA OMAR



iii
UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Akhirnya siap juga latihan ilmiah yang selama ini dilihat sebagai beban yang perlu dipikul oleh penulis untuk memenuhi syarat ijazah sarjana muda Sains Sosial. Penulis amat bersyukur kepada Tuhan kerana sempat menyiapkan latihan ilmiah ini pada tempoh yang telah ditetapkan walaupun berhempas-pulas untuk menyiapkannya.

Bahagian penghargaan selalunya dimulakan dengan ucapan terima kasih kepada yang telah membantu penulis untuk menyiapkan latihan ilmiah ini dan ucapan terima kasih penulis yang pertama perlulah diberikan kepada Puan Marja Azlina Omar sebagai penyelia latihan ilmiah penulis. Penghargaan yang dilakukan dalam bahagian ini tidak mampu menyatakan rasa bersyukur serta berterima kasih penulis terhadap Puan Marja yang selama ini telah membimbing dan memberikan nasihat sepanjang menulis latihan ilmiah ini. Beliau bukan sahaja dilihat sebagai penyelia tetapi juga pensyarah serta kawan yang banyak membantu penulis selama 3 tahun penulis menjadi pelajar Universiti Malaysia Sabah. *No words or languages can't express how thankful I am to you, Puan.*

Ucapan terima kasih penulis juga ditujukan kepada Encik Rizal Zamani Idris selaku mentor penulis yang juga banyak membantu penulis dengan membenarkan meminjam buku beliau sejak latihan ilmiah ini bermula. Encik Rizal selaku pensyarah merupakan individu pertama yang penulis berjumpa di UMS dan amat bertuah menjadi mentee kepada beliau kerana beliau telah banyak membantu penulis dengan isu serta masalah penulis di UMS.

Kawan-kawan yang selama ini telah banyak membantu menyiapkan latihan ilmiah ini walaupun latihan ilmiah sendiri pun belum lagi diselesaikan, penulis amat menghargai jasa-jasa kamu semua. Terima kasih kepada Rebekah Mano a.k.a Rebekah yang Beriman kerana selama ini telah membantu penulis dengan mencari bahan serta memberi nasihat agar menyiapkan latihan ilmiah ini. Chan Pei Hong @ Jessie, selaku kakak kami di kelas telah banyak membimbing serta membuat lawak bagi menghilangkan tekanan menyiapkan latihan ilmiah ini. Penghargaan juga ditujukan kepada Ednna Asmat yang sering menemani penulis di perpustakaan dan Cherylene Mojinun yang telah dikenali sejak hari pertama lagi serta Hayati Badri kerana sudi membantu walaupun dalam hal-hal kecil. Suzie Mardiana yang bersama-sama menempuh cabaran latihan ilmiah kerana mempunyai penyelia serta mentor yang sama.

Kepada rakan-rakan yang lain kerana tidak dapat menyelitkan nama anda di sini, penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua dan 3 tahun selama penulis menjadi pelajar Hubungan Antarabangsa di UMS merupakan *kenangan terindah* penulis.

Dan Darby Peter Ng

ABSTRAK

Protokol Kyoto adalah sebuah regim alam sekitar antarabangsa yang diwujudkan bagi tujuan mengurangkan jumlah pengeluaran gas rumah hijau yang menjadi punca kepada masalah pemanasan global. Keadaan dunia yang semakin panas telah membawa kepada banyak masalah alam sekitar di peringkat global seperti kenaikan paras air laut dan perubahan cuaca yang mendadak. Hal yang sedemikian telah menyedarkan banyak negara mengenai peri pentingnya untuk Protokol Kyoto berfungsi dengan berkesan. Sesungguhnya sokongan dan komitmen daripada aktor negara adalah amat diperlukan untuk memastikan Protokol Kyoto dapat memberi penyelesaian kepada masalah pemanasan global. Walau bagaimanapun Protokol Kyoto mendapat tentangan yang hebat daripada Amerika Syarikat (AS). AS enggan meratifikasi Protokol Kyoto dengan menyatakan bahawa tindakan tersebut akan menjejaskan ekonomi AS. Berbeza dengan AS, Kesatuan Eropah (KE) memberikan komitmen yang baik dan merupakan penyokong kuat kepada Protokol Kyoto. Kajian ini menganalisa pendekatan yang diambil oleh AS dan KE dalam Protokol Kyoto. Di samping itu juga, kajian ini juga turut menilai kelemahan dan kekuatan Protokol Kyoto. Akhir sekali kajian ini menyimpulkan bahawa kemungkinan besar Protokol Kyoto tidak akan berjaya mencapai matlamat penubuhannya tanpa penglibatan AS sebagai sebuah negara veto dalam isu ini

ABSTRACT

Kyoto Protocol is an international regime established in order to reduce the emission of greenhouse gases globally. Greenhouse gases such as carbon dioxide produced by human activities are believed to be the main causes of global warming which in turn led to global crisis such as increase of sea level, lack of water supply and drastic climate change. For this reason, many of the countries in the world have ratified and recognized Kyoto Protocol as the main global mechanism to tackle the issue of global warming. Nonetheless, the United States of America refused to ratify the protocol as such action would probably hurt the American economy. By being the biggest polluters and the main producer of carbon dioxide in the world, their decision not to ratify Kyoto Protocol is indeed a setback to the environmental regime. This research also highlighted the role played by European Union (EU) in this issue. Contrary to the US, EU is hailed as the strongest supporter to the Kyoto Protocol. Last but not least, this research analyses the advantages and the flaws of the Kyoto Protocol. The findings of this research concludes that Protocol Kyoto may not be able to achieve the desired objectives without the inclusion, commitment and cooperation of US, the veto state in the issue of global warming.

KANDUNGAN

Perkara	Halaman
Pengakuan Pelajar dan Pengesahan Penyelia	iii
Penghargaan	iv
Abstrak	v
Abstract	vi
Senarai Kandungan	vii
Senarai Singkatan	x

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Objektif	4
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Sorotan Literatur	5
1.5 Konsep	9
1.6 Metodologi Kajian	11
1.7 Skop Kajian	12



1.8 Cadangan Bab	13
------------------	----

BAB 2: LATAR BELAKANG PROTOKOL KYOTO

2.1 Definasi Pemanasan Global	14
2.2 IPCC (Intergovernmental Panel on Climate Change)	19
2.3 Kesan Pemanasan Global	22
2.3.1 Kesan Terhadap Sistem Perairan	22
2.3.2 Kesan Terhadap Pertanian	23
2.3.3 Kesan Terhadap Laut	24
2.3.4 Kesan Terhadap Manusia	26
2.4 Pengenalan Protokol Kyoto	28
2.5 Kesimpulan	31

BAB 3: PERANAN AMERIKA SYARIKAT DAN KESATUAN EROPAH

3.1 Regim	32
3.2 Regim Alam Sekitar Antarabangsa	36
3.3 Peranan Amerika Syarikat	41
3.3.1 Amerika Syarikat & Protokol Kyoto	42
3.3.2 Kesan Pemanasan Global Terhadap Amerika Syarikat	46
3.4 Peranan Kesatuan Eropah	53
3.4.1 Kesatuan Eropah & Protokol Kyoto	53

3.4.2 Kesan Pemanasan Global Terhadap Kesatuan Eropah	54
3.4.3 Langkah Alternatif	58
3.5 Kesimpulan	60

BAB 4: PROTOKOL KYOTO: ISU DAN PERMASALAH

4.1 Kelemahan Protokol Kyoto	62
4.2 Masalah Ekonomi Akibat Protokol Kyoto	67
4.3 Konflik Negara Utara Dengan Negara Selatan	69
4.4 Selepas Protokol Kyoto	72
4.5 Kesimpulan	78

BAB 5: PENUTUP

5.1 Kesimpulan	79
----------------	----

RUJUKAN	87
---------	----

SENARAI SINGKATAN

AS	Amerika Syarikat
CFC	Chlorofluorocarbon
CO ₂	Karbon dioksida
COP-6	Sixth Conference of Parties
EU	European Union
EU ETS	EU Emission Trading Scheme
GATT	General Agreement on Tarif and Trade
IPCC	Intergovermental Panel on Climate Change
KE	Kesatuan Eropah
OPEC	The Organization of Petroleum Exporting Countries
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
UNEP	United Nations Environment Programme
UNFCCC	United Nation's Framework Convention on Climate Change
UNWFP	United Nations World Food Programmed
WHO	World Health Organization

WMO

World Meteorological Organization

WWF

World Wildlife Fund for Nature

BAB 1

PENGENALAN

1.1: PENDAHULUAN

"Large, abrupt climate change have repeatedly affected much or all of the earth, locally reaching as much as 10 degree Celsius in 10 years. Available evidence suggests that abrupt climate change are not only possible but likely in the future, potentially with large impacts on ecosystem and societies."

Richard Alley, Chair of the Committee on Abrupt Climate Change of the US National Research Council (NRC). 2002¹

Pemanasan global sememangnya telah memberikan kesan yang ketara terhadap manusia serta ekosistem itu sendiri. Keadaan bumi yang meningkat panas telah menyebabkan manusia menjadi lebih prihatin terhadap kejadian-kejadian yang berlaku semenjak dewasa ini. Perubahan dalam cuaca dan bentuk muka bumi telah benar-benar menjadi perhatian manusia sejagat kerana semua perubahan drastik ini

¹ A. Barrie Pittock.2005. Climate Change: Turning Up The Heat. CSIRO Publishing: Australia. hlm 37

mempengaruhi kehidupan manusia serta hidupan bumi yang lain. Fenomena yang menyebabkan perubahan kepada suhu dunia atau lebih dikenali sebagai 'Pemanasan Global' yang mana fenomena ini mampu menganggu kitaran cuaca dunia serta merubah semula bentuk muka bumi yang sedia ada.

Manusia seperti yang kita ketahui adalah makhluk yang amat bergantung kepada haba sebagai tujuan kelangsungan hidup sebagai mana sejarah telah menunjukkannya. Secara saintifiknya, manusia memerlukan haba untuk terus hidup didalam dunia ini dan sumber haba utama di planet ini adalah matahari. Jean Baptiste Fourier², seorang ahli fizik-matematik Perancis, pada tahun 1827 telah menemui bahawa atmosfera mampu memerangkap haba daripada keluar daripada Bumi dan mengelakkan Bumi daripada menjadi planet yang sejuk. Teori yang dikemukakan oleh Fourier ini telah diperkuuhkan lagi pada tahun 1896 oleh Svante Arrhenius, ahli kimia Sweden, yang membuktikan bahawa peningkatan gas karbon dioksida di permukaan atmosfera boleh membawa kepada peningkatan kadar kepanasan Bumi.

Pemanasan global dilihat sebagai sebuah fenomena yang baru tetapi sebenarnya, krisis ini telah menjadi masalah alam sekitar dan sering dilaporkan sejak tahun 1960-an lagi tetapi kurang mendapat perhatian kerana kekurangan fakta terhadap isu tersebut.³ Pemanasan global berlaku akibat daripada pengumpulan gas-gas karbon di atmosfera bumi dan hal ini lebih dikenali sebagai 'kesan rumah hijau'. Kekurangan pokok akibat daripada perbuatan manusia seperti penebangan pokok yang berleluasa, pembakaran hutan, dan lain-lain lagi telah menyebabkan kurangnya alat untuk menyerap gas-gas karbon tersebut tambahan pula pengeluaran gas-gas karbon ini adalah jauh lebih banyak. Keadaan dunia yang panas juga telah menyebabkan kemasuhan terumbu karang di lautan yang juga merupakan salah satu penyerap karbon dioksida dan penghasil oksigen selain daripada tumbuhan hijau.

² Ibid. Hlm 245

³ Andrew E. Dessler and Edward A. Parson. 2006. The Science and Politics of Global Climate Change: A Guide to the Debate. Cambridge University Press : United Kingdom. Hlm 12

Kesan pemanasan global merupakan perkara yang paling digeruni oleh masyarakat global dan tanda-tanda awal telah pun kelihatan. Pencairan ais di Antartika merupakan masalah utama yang dibimbangkan oleh masyarakat dunia terutamanya negara yang diancam kewujudannya disebabkan oleh kenaikan paras air laut. Selain daripada itu, pemanasan global turut telah megubah pola migrasi haiwan-haiwan seperti beruang kutub, rama-rama serta ikan paus telah diganggu dan berubah berbanding sedekat yang lalu. Kadar peningkatan penyakit berjangkit turut menjadi isu berbangkit di mana penyakit-penyakit seperti denggi dan malaria mungkin akan menular di negara-negara yang sebelum ini sukar untuk diserang seperti negara-negara bercuaca sejuk. Keadaan dunia yang semakin panas akan menyebabkan penyakit-penyakit ini jauh lebih mudah untuk menyebar.

Walau bagaimanapun, wujud golongan skeptik yang membangkang tentang hal ini kerana mereka percaya bahawa teknologi manusia mampu mengelak daripada berlakunya malapetaka akibat daripada perbuatan manusia itu sendiri. Menurut kajian yang dilakukan oleh Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC) di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menyatakan keadaan bumi yang semakin panas telah bermula dan tahun 1990-an telah direkodkan sebagai dekad yang terpanas dalam sejarah. Buktinya keadaan cuaca yang radikal seperti banjir dan kemarau menjadi semakin kerap tetapi perkara yang paling digeruni adalah pencairan bongkah-bongkah ais di Antartika yang bakal menyebabkan kenaikan paras air laut dunia.

Dalam kesedaran ini, PBB telah mengadakan Protokol Kyoto hasil daripada Persidangan Rio yang telah diadakan pada 1992. Protokol Kyoto ini bertujuan untuk mendapatkan kata sepakat daripada negara-negara yang terlibat untuk meratifikasi protokol tersebut dan dengan persetujuan itu, semua negara yang meratifikasikan perjanjian tersebut akan mengurangkan pengeluaran karbon pada tahap yang telah ditetapkan. Matlamat yang ditetapkan oleh Protokol Kyoto adalah bagi setiap negara yang meratifikasikan protokol tersebut akan mengurangkan gas rumah hijau daripada jumlah tahap tahun 1990.

1.2: OBJEKTIF

- (a) Untuk menghuraikan kemunculan latar belakang Protokol Kyoto (Kyoto Protocol).
- (b) Untuk menghuraikan peranan aktor utama Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah dalam Protokol Kyoto.
- (c) Untuk melihat keberkesanannya dan kelemahan Protokol Kyoto.

1.3: PERMASALAH KAJIAN

Latihan ilmiah ini akan memfokuskan Protokol Kyoto daripada segi masalah yang dihadapi untuk menjalankan protokol tersebut sebagai regim alam sekitar antarabangsa yang berkesan. Protokol ini telah bermula pada tahun 1997 yang telah diperkenalkan oleh PBB (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu). Protokol Kyoto berperanan untuk mengurangkan kadar pengeluaran gas rumah hijau ke kawasan atmosfera. Negara seperti Amerika Syarikat mempunyai masalah meratifikasi Protokol Kyoto tersebut disebabkan oleh beberapa isu terutamanya isu berkenaan dengan ekonomi dan ini memberi peluang untuk melihat serta mengkaji kelemahan yang terdapat pada protokol ini. Selain itu, kebaikan wujudnya protokol ini turut dikaji hasil daripada penerimaan umum masyarakat dunia. Latihan ilmiah ini turut membincangkan tentang peranan yang dijalankan oleh aktor-aktor antarabangsa terutamanya 2 entiti utama iaitu Amerika Syarikat serta Kesatuan Eropah (European Union). Peranan negara merupakan perkara yang penting bagi menjayakan regim alam sekitar antarabangsa tersebut, pengkaji akan melihat bagaimana tindakan AS serta EU memberi kesan terhadap Protokol Kyoto.

1.4:SOROTAN LITERATUR

Kyoto: Why did the US pull out?⁴ Hasil daripada tulisan Paul Reynolds membincangkan tentang tindakan George Bush sebagai Presiden Amerikan Syarikat menolak untuk meratifikasi Protokol Kyoto dengan alasan bahawa tindakan menyokong protokol tersebut hanya akan mendatangkan kesan buruk terhadap keadaan ekonomi Amerika Syarikat. Menurut Reynolds lagi, Presiden Bush telah mengambil tindakan yang sedemikian disebabkan oleh dua perkara iaitu pertama: Amerika Syarikat pada waktu tersebut sedang mengalami kejatuhan ekonomi serta masalah kekurangan sumber tenaga dan tindakan untuk meratifikasi protokol tersebut hanya akan mengancam keadaan ekonomi Amerika Syarikat yang pada ketika itu sememangnya sudah berada dalam keadaan yang membimbangkan. Kedua, Bush meminta supaya mencari jalan alternatif untuk mengurangkan gas-gas rumah hijau tetapi dengan tidak mengancam dan menyusahkan rakyat Amerika khususnya. Selain daripada itu, Dewan Senat Amerika Syarikat turut menolak sebarang kemungkinan untuk menerima dan menyokong protokol tersebut. Presiden Bush turut mencadangkan bahawa terdapat cara lain untuk mengatasi masalah pemanasan global ini selain daripada mengurangkan pengeluaran karbon semata-mata dan beliau menyatakan bahawa teknologi merupakan salah satu mekanisme untuk membantu dalam masalah ini.

Christaan Vrolijk dalam 'COP-6 collapse or ' to be continued..?'⁵ menyentuh tentang keadaan dan kesan kesan yang berlaku akibat daripada masalah pemanasan global. Vrolijk turut meneliti tentang Protokol Kyoto dan bagaimana ia masih lagi dibincangkan sehingga ke hari ini. Sixth Conference of Parties (COP-6) telah lahir daripada persidangan di Kyoto dan COP-6 ditubuhkan dengan tujuan membincangkan tentang isu pengurangan gas-gas rumah hijau. Vrolijk turut melihat bahawa banyak negara membincangkan tentang ekonomi negara mereka dengan Protokol Kyoto dan hal ini boleh melemahkan negara tersebut tetapi keengganannya

⁴ Paul Reynolds.2003. Kyoto:Why Did the US Pull Out dalam Gary Smith, Alan Jenkins, & Trudy Griggs (eds). United Nations: Globalising Civil Society.. Potentialites and Doubts?. Deakin University: Australia. Hlm 10-11

⁵ Christaan Vrolijk.2003. "COP-6, Collapse or 'to be continued...?'"

Ibid. hlm 25-31

menyokong protokol tersebut bermakna penambahan gas-gas rumah hijau sehingga 20% lebih banyak berbanding pada tahun 1990. Selain itu, negara-negara seperti Amerika Syarikat membincangkan tentang kepentingan ‘sinks’ atau hutan dan lautan di dalam menyerap karbon dioksida dan juga kepentingannya dalam bidang ekonomi.

Thomas C.Schelling dalam artikel beliau di Foreign Affairs menyatakan bahawa Protokol Kyoto perlu dikaji semula dan Schelling memulakan dengan kritikan terhadap tindakan-tindakan Amerika Syarikat yang langsung tidak mengurangkan gas-gas rumah hijau malahan beliau melihat di bawah pemerintahan Presiden Clinton dan Presiden Bush, pengurangan atau proses untuk mengemukakan tuntutan yang membolehkan Amerika Syarikat menerima protokol tersebut. Tuntutan yang dimaksudkan adalah penyertaan penuh daripada negara-negara yang sedang membangun dan kemungkinan negara-negara seperti China, Brazil, Indonesia ataupun Nigeria untuk menyertai sepenuhnya perjanjian yang berbentuk alam sekitar adalah amat tipis.

Walaupun begitu, negara-negara yang sedang membangun mempunyai banyak perkara dan risiko yang perlu ditanggung sekiranya masalah pemanasan global ini tidak diatasi dengan kadar segera kerana kebanyakan negara yang sedang membangun amat bergantung kepada industri pertanian sebagai sumber ekonomi utama sesebuah negara itu. Schelling turut menyuarakan perasaan skeptik beliau terhadap pemanasan global dan menyatakan bahawa terdapat penyerap-penyerap semulajadi seperti lautan dan hutan di dalam melawan kadar pelepasan karbon. Beliau turut menyatakan bahawa Protokol Kyoto hanya memfokuskan langkah penyelesaian dalam jangka masa pendek dan pengurangan gas-gas adalah amat sukar oleh kerana keadaan ekonomi sesebuah negara itu serta kemajuan teknologi dalam pengurangan gas-gas rumah hijau masih lagi belum wujud pada masa tersebut ataupun masih lagi dalam prose pengkajian.⁶

Schelling turut menambah bahawa sesebuah negara itu mempunyai kebebasan di dalam hal alam sekitar terutamanya yang berlaku dalam domestik

⁶ Thomas C.Schelling.2003.

Ibid. Hlm 33-40

dimana kerajaan tempatan mempunyai bidangkuasa. Ini menimbulkan isu bahawa keadaan dunia yang anarki menyebabkan setiap negara bebas dalam melakukan sesuatu tindakan tanpa mendapat hukuman daripada kuasa yang lebih tinggi. Isu perdagangan pengeluaran gas turut wujud dalam artikel ini. Perdagangan pelepasan gas ini telah disuarakan oleh beberapa ahli ekonomi sebagai cara negara yang mempunyai kadar pengeluaran gas rumah hijau yang tinggi berkompromi dengan protokol tersebut.

Kajian yang terdahulu kebanyakkan menyentuh tentang kritikan terhadap tindakan AS yang tidak meratifikasi Protokol Kyoto. Banyak sarjana kurang bersetuju dengan tindakan AS tersebut kerana hal ini akan memberikan kesan yang negatif terhadap usaha global untuk mengurangkan kadar pengeluaran gas rumah hijau untuk menghentikan kesan pemanasan global daripada bertambah lebih teruk. Kritikan tersebut selalunya menyatakan bahawa AS adalah sebagai entiti negara yang hanya mengutamakan kepentingan negaranya sahaja dan tidak mengendahkan kesan tindakan tersebut terhadap negara lain.

Oleh yang demikian, pengkaji akan cuba untuk memenuhi ruang kajian Protokol Kyoto terutamanya yang berkenaan dengan peranan serta alasan yang diberikan oleh pihak AS yang menolak daripada meratifikasi protokol tersebut. Alasan yang sering diberikan oleh AS seperti masalah ekonomi akan dibentangkan dalam kajian ini agar dapat mengetahui sekiranya masalah kegawatan ekonomi akan berlaku sekiranya AS menjalankan tanggungjawabnya di dalam protokol tersebut. Pengkaji juga akan cuba melihat bagaimana masalah pemanasan global akan mendatangkan kesan dalam pelbagai isu di AS.

Kajian ini turut akan membincangkan peranan Kesatuan Eropah dalam menjadi penyokong kuat kepada Protokol Kyoto yang amat bertentangan dengan Amerika Syarikat. Hal ini akan memperlihatkan bahawa isu pemanasan global bukanlah masalah pembahagian tanggungjawab negara maju dan negara membangun seperti yang seringkali dibangkitkan oleh AS tetapi masalah '*global*

commons' yang perlu diperjuangkan. Selain itu, pengkaji juga melihat kesan Protokol Kyoto terhadap kesedaran mengenai isu pemanasan global.

Pengkaji juga akan melihat kritikan yang sering diberikan terhadap Protokol Kyoto yang menjadi bahan sokongan bagi AS untuk tidak meratifikasikan triti tersebut. Bagaimanapun, pengkaji turut memfokuskan tentang kesan protokol alam sekitar tersebut di dalam mencetuskan kesedaran antarabangsa.

1.5: KONSEP

Latihan ilmiah ini akan menggunakan konsep regim atau secara spesifiknya regim alam sekitar. Konsep ini dilihat dan dinyatakan oleh Stephan Krasner iaitu

'sets of implicit principle, norms, rules, and decision making procedure around which actors' expectations converge in a given area of international relations'.

Regim merupakan sebuah kerjasama di kalangan negara dalam menangani sesebuah isu global tersebut. Terdapat banyak jenis regim dalam pelbagai isu global seperti regim ekonomi, regim keselamatan serta regim alam sekitar.⁷ Regim alam sekitar antarabangsa merupakan sebuah regim yang lebih menyentuh tentang kerjasama entiti negara dalam membanteras masalah alam sekitar seperti pencemaran, penipisan ozon serta pemanasan global yang kian bertambah serius. Aktiviti manusia yang sering memberi ancaman terhadap alam sekitar ini cuba dikurangkan atau dicegah dengan pembentukkan regim tersebut.

Tindakan negara yang sering mengenepikan kepentingan regim alam sekitar ini sering mendapat kritikan daripada masyarakat global kerana masalah alam sekitar merupakan masalah global yang tidak mengenali sempadan. Hal ini akan mendatangkan kesan yang buruk dalam pencegahan sesuatu isu alam sekitar tersebut dan masalah yang wujud hasil daripada isu alam sekitar itu selalunya akan memberi kesan buruk terhadap kehidupan manusia seperti masalah hujan asid, masalah kesihatan mahupun masalah ekonomi.

Kesedaran global yang baru sahaja dikecapi dalam isu pemanasan global ini melihat akan kepentingan regim alam sekitar terutamanya dalam Protokol Kyoto yang dilihat sebagai sebuah regim alam sekitar yang elemen penting dalam melawan keadaan perubahan cuaca yang semakin teruk. Regim dalam Protokol Kyoto akan mengikat atau memaksa negara yang meratifikasi protokol tersebut untuk

⁷ John Baylis and Steve Smith (ed).2005. The Globalization of World Politics: An Introduction to International Relations (3rd Edition). New York: Oxford University Press. Hlm 374

memberikan limitasi terhadap pengeluaran gas-gas rumah hijau negara-negara tersebut.⁸

Konsep yang digunakan dalam latihan ilmiah ini bukan sahaja akan melihat kepada kepentingan regim dalam isu ini tetapi juga masalah yang dihadapi oleh regim tersebut. Masalah utama yang sering dihadapi dalam sebuah regim alam sekitar antarabangsa adalah bantahan negara veto yang merasakan bahawa regim tersebut mungkin akan mempengaruhi kepentingan negara veto tersebut. Tambahan pula bahawa bukan semua regim berkesan terutamanya regim yang berkenaan dengan isu alam sekitar tambahan pula regim selalunya hanya memfokuskan tentang penyelesaian jangka pendek.

⁸ Ibid. him 471

1.6: METODOLOGI KAJIAN

Dalam mengkaji tentang isu regim pemanasan global dan Protokol Kyoto, pengkaji akan menggunakan kaedah kajian kualitatif yang lebih kepada bantuan pusat sumber. Kajian ini akan memfokuskan lebih kepada peranan dan penglibatan Amerika Syarikat serta Kesatuan Eropah dalam regim alam sekitar antarabangsa berkenaan dengan isu pemanasan global iaitu Protokol Kyoto. Antara perpustakaan yang telah dikunjungi oleh pengkaji untuk mendapatkan bahan-bahan kajian adalah seperti yang disenaraikan:

- (i) Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah
- (ii) Perpustakaan Negeri Sabah (Ibu Pejabat, Kota Kinabalu)
- (iii) Perpustakaan Negeri Sabah (cawangan Penampang)

Pengkaji juga menggunakan bahan-bahan sekunder seperti:

- (a) buku
- (b) jurnal
- (c) majalah ilmiah
- (d) kajian lepas
- (e) risalah

Selain itu, kajian ini juga menggunakan sumber daripada internet sebagai sumber bahan kajian. Sumber internet dilihat dapat banyak membantu pengkaji untuk lebih memahami tentang isu kajian serta membantu dengan masalah kekurangan sumber kajian yang sering dihadapi.

1.7: SKOP KAJIAN

Pemanasan global merupakan isu penting dalam Hubungan Antarabangsa kerana isu atau masalah ini mampu memberikan kesan negatif terhadap ekonomi, politik dan kesihatan secara global serta kelangsungan untuk hidup bagi manusia serta flora dan fauna. Protokol Kyoto merupakan elemen penting dalam isu ini kerana protokol ini adalah secara langsung berkenaan dengan isu pemanasan global dan dilihat sebagai salah satu cara untuk mengurangkan pemanasan global daripada bertambah teruk. Fokus akan diberikan terhadap Protokol Kyoto 1997 selama sedekad iaitu sehingga tahun 2007 dan ini akan membolehkan penulis untuk melihat kepentingan protokol tersebut dan masalah yang dihadapi terutamanya bagi negara-negara yang enggan menanggani protokol ini. Aktor seperti Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah akan menjadi aktor utama dalam kajian ini.

RUJUKAN

BUKU & JURNAL

1998. after Kyoto: Are There Rational Pathways to a Sustainable Global Energy System?. Washington: Aspen Institute

2005. The EU Emission Trading Scheme. London: Earthscan

A. Barrie Pittock.2005. Climate Change: Turning Up The Heat. CSIRO Publishing: Australia

Atle C. Christiansen & Jørgen Wettestad. 2003. The EU as a frontrunner on greenhouse gas emissions trading:how did it happen and will the EU succeed?. Oxfordshire:Elsevier Science Ltd.

Andrew E. Dessler and Edward A. Parson. 2006. The Science and Politics of Global Climate Change: A Guide to the Debate. Cambridge University Press

Andy Kerr.2007. Serendipity is not a strategy: the impact of national climate programmes on greenhouse-gas emissions. Blackwell Publishing Limited

David G. Victor.2001. The Collapse of the Kyoto Protocol and the Struggle to Slow Global Warming: And the Struggle to Slow Global Warming. New Jersey: Princeton University Press

Eliakimu Zahabu1, Margaret M. Skutsch, Hussein Sosoveli & Rogers E. Malimbwi.2007. Reduced emissions from deforestation and degradation. Blackwell Publishing Limited

Gary Smith, Alan Jenkins, Trudy Griggs (ed). 2003. United Nations: Globalising Civil Society.. Potentialites and Doubts?. Deakin University: Australia

Jeffrey Kluger. 2001. A Climate of Despair. Time Magazine: United State of America

Joel A Tickner (ed). 2003. Precaution: Environment Science and Preventive Public Policy. Island Press: United State of America

John Baylis and Steve Smith (ed).2005. The Globalization of World Politics:
An Introduction to International Relations (3rd Edition). New York:
Oxford University Press

John T.Hardy.2003. Climate Change:Causes, Effects, and Solutions. West
Sussex: John Wiley&Sons Ltd.

John Vogler and Mark F.Imber (ed). 1996. The Environment and
International Relations. Routledge: New York

Laurent L. Viguier, Mustafa H. Babiker & John M. Reilly.2002. The costs of
the Kyoto Protocol in the European Union. Oxfordshire:Elsevier
Science Ltd.

Michael D. Lemonick.2001. Life In the Greenhouse. Time Magazine: United
State of America

Michael Grubb, Christiaan Vrolijk,dan Duncan Brack.1999. The Kyoto protocol:
a guide and assessment. Earthscan

Neil Roberts (ed). 1994. The Changing Global Environment. Blackwell
Publishers: Massachusetts.

Robert Mendelsohn & James E.Neumann (Ed).1999.The Impact of Climate
Change on the United States Economy. United Kingdom: Cambridge
University Press

Sebastian Oberthur and Hermann E.Ott. 1999. The Kyoto Protocol:
International Climate Policy for the 21st Century. Springer-Verlag:
Berlin.

Spencer R. Weart.2008. The Discovery of Global Warming.Massachusetts:
Harvard University Press.

William D. Nordhaus & Joseph Boyer. 2003. Warming the World: Economic
Models of Global Warming. Massachussettes:MIT Press

INTERNET

*A. Denny Ellerman & Paul L. Joskow. 2008.The European Union's Emissions
Trading System in perspective dalam <http://www.pewclimate.org/docUploads/EU-ETS-In-Perspective-Report.pdf> dipetik pada 9 Mei 2009.*

IPCC (Intergovernmental Panel on Climate Change) melalui http://en.wikipedia.org/wiki/Intergovernmental_Panel_on_Climate_Change dipetik pada 8 Mei 2009.

Isu kebuluran <http://www.wfp.org/hunger> dipetik pada 30 April 2009.

Isu kebuluran melalui <http://www.bread.org/learn/hunger-basics/hunger-facts-international.html> dipetik pada 30 April 2009.

Great Barrier Reef dalam http://en.wikipedia.org/wiki/Great_BARRIER_Reef#Environmental_threats dipetik pada 30 April 2009.

Protokol Kyoto dalam http://unfccc.int/kyoto_protocol/items/2830.php dipetik pada 30 April 2009

Protokol Kyoto dalam http://en.wikipedia.org/wiki/Kyoto_Protocol dipetik pada 4 Mei 2009.

Maksud kuasa 'hegemony' di <http://en.wikipedia.org/wiki/Hegemony> dipetik pada 29 April 2009.

GATT melalui http://www.wto.org/english/thewto_e/whatis_e/tif_e/fact4_e.htm dipetik pada 29 April 2009.

Pernyataan Kofi Annan mengenai 'The Montreal Protocol on Substances that Deplete the Ozone Layer dalam <http://www.theozonehole.com/montreal.htm> dipetik pada 8 Mei 2009

Inhofe menyatakan perasaan skeptik beliau terhadap pemanasan global sewaktu ucapan dalam Senat. Diambil melalui http://www.notable-quotes.com/g/global_warming_quotes.html pada 5 Mei 2009.

Local climate change dalam http://en.wikipedia.org/wiki/Effects_of_global_warming dipetik pada 3 Mei 2009.

The Inconvenient Truth melalui http://en.wikipedia.org/wiki/An_Inconvenient_Truth#Awards dipetik pada 4 Mei 2009.

Maksud Permafrost dalam <http://nsidc.org/sotc/permafrost.html> dipetik pada 9 Mei 2009.

European Union Emission Trading Scheme melalui
http://en.wikipedia.org/wiki/European_Union_Emission_Trading_Scheme dipetik pada 3 Mei 2009.

WMO World Meteorological Organization

WWF World Wildlife Fund for Nature